

Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Melayu Berdasarkan *Role Reversal Imitation*

Language Acquisition of Malay Childrens through Role Reversal Imitation

Marzalina Mansor dan Nor Hasimah Ismail

*Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.*

ABSTRAK

Persoalan bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa pertama telah lama dibangkitkan dan banyak pula yang dibincangkan. Kajian-kajian lepas sama ada di barat seperti kajian oleh Piaget (1962), Sherman (1971) dan Ingram (1989) ada menjelaskan bahawa kanak-kanak membuat peniruan dalam pemerolehan bahasa, malah kajian-kajian lepas ini mempunyai hipotesis yang tersendiri dalam merungkai persoalan tentang konsep peniruan dalam pemerolehan bahasa ini. Di Malaysia pula, misalnya dalam kajian Asmah (1988), Abdul Aziz Sharif (1994) dan Mohd. Amin & Vijayalecthumy (2006) turut menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu juga melalui 'peniruan'. 'Peniruan' di sini bermaksud kanak-kanak Melayu akan memperoleh bahasa dengan meniru bahasa lisan yang diujarkan oleh ibu bapa atau individu yang berada rapat dengan mereka. Justeru, penelitian pemerolehan bahasa pada kali ini akan memberi fokus kepada pemerolehan bahasa berdasarkan *role reversal imitation*. *Role reversal imitation* ialah satu strategi 'peniruan tukar ganti peranan' yang terdapat dalam *usage-based theory* yang diketengahkan oleh Tomasello (2003). Didapati, konsep 'peniruan' dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu pada mulanya agak sedikit, kemudian meningkat dengan agak pesat dan pada akhir usia dua tahun peniruan adalah sedikit merosot.

Kata kunci: pemerolehan bahasa, kanak-kanak Melayu, peniruan, *role reversal imitation*, *usage-based theory*.

ABSTRACT

The question of how a child acquires the first language has long been raised and discussed. Recent studies in the west such as the study by Piaget (1962), Sherman (1971) and Ingram (1989) explained that children are

making imitations in language acquisition, also previous studies have their own hypotheses in solving the problem about the concept of imitation in the acquisition of this language. In Malaysia, for example in the study of Asmah (1988), Abdul Aziz Sharif (1994) and Mohd. Amin & Vijayalecthummy (2006) also explained that the acquisition of Malay children's language also through 'imitation'. 'Imitation' here means that Malay children acquire the language by imitating language spoken by parents or individuals who are close to them. Hence, the language acquisition research will focus on language acquisition based on role reversal imitation. Role reversal imitation is a 'role-copying' strategy in usage-based theory highlighted by Tomasello (2003). It was found that the concept of 'imitation' in the acquisition of Malay children was initially quite little, then increased rapidly and at the end of two years old, the imitation was a slight deterioration.

Keywords: language acquisition, Malay children, imitation, role reversal imitation, usage-based theory.

1.0 PENGENALAN

Istilah pemerolehan telah digunakan dengan meluas dalam dunia pengkajian bahasa kanak-kanak di Malaysia sebagai padanan bagi istilah *acquisition*, iaitu proses penguasaan bahasa yang berlaku pada kanak-kanak secara semula jadi pada waktu seseorang kanak-kanak tersebut mempelajari bahasa ibundanya (Dhardjowidjojo, 2007). Kajian-kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak telah meluas dijalankan, terutamanya di dunia barat. Namun, di Malaysia kajiannya agak terbatas dan masih tertumpu kepada perkembangan bahasa kanak-kanak secara umum, iaitu pemerolehan fonologi, sintaksis dan semantik.

Kajian sepatutnya dimulakan dengan skop yang lebih kecil dan barulah melihat secara keseluruhan tentang apa-apa yang dikaitkan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Oleh itu, kajian pada kali ini adalah melihat satu skop kecil dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak, iaitu keupayaan kanak-kanak Melayu untuk memperoleh kata-kata awal hanya dengan konsep peniruan.

Kanak-kanak insan istimewa. Kanak-kanak merupakan individu yang pada permulaan berbahasa akan kerap meniru ujaran orang-orang yang ada di sekelilingnya. Halliday (1975) pernah menjelaskan bahawa pada usia lebih kurang dua tahun, iaitu mulai 16 ½ bulan, kanak-kanak akan berpindah pada penggunaan sistem linguistik orang dewasa dengan cara meniru dan mengajuk ujaran yang didengar. Selain itu, Asmah (1988:91) juga pernah menegaskan bahawa “kanak-kanak mempunyai sifat meniru, jadi perkembangan bahasanya

didasarkan kepada tolok yang ada di depannya, iaitu bahasa orang tuanya. Kemudian, Abdul Aziz Sharif (1994) dalam kajiannya telah menemukan bahawa terdapatnya unsur imitasi dalam bahasa kanak-kanak pada peringkat umur 1;9 bulan. Sementara Mohd. Amin & Vijayalechthy (2006) pula mendapati bahawa kanak-kanak akan meniru penggunaan bahasa oleh model di sekeliling mereka. Hal ini bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan kosa kata dan ayat yang betul mengikut situasi dan konteks.


Kajian pada kali ini ialah untuk membincangkan konsep *role reversal imitation* yang terdapat pada kanak-kanak Melayu sewaktu berkomunikasi. Oleh itu, perlu dijelaskan bahawa konsep *role reversal imitation* ini ialah sebahagian daripada Dimensi Fungsian dalam *Usage-Based Theory*. Rujuk rajah 1 di bawah.

2.0 Konsep *Usage-Based Theory*

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori *usage-based* yang mula diperkenalkan oleh Langacker pada tahun 1987. Kemudian teori ini diperkemas oleh Tomasello pada tahun 2003. Teori ini menekankan bahawa dalam proses pemerolehan bahasa, kanak-kanak akan melalui dua dimensi besar, iaitu *Intention-Reading (Functional Dimension/Dimensi Fungsian)* dan *Pattern-Finding (Grammatical Dimension/Dimensi Tatabahasa)* sebelum seseorang kanak-kanak itu berjaya memperoleh bahasa pertama mereka. Di bawah ini ditunjukkan tentang Dimensi Fungsian yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

a) Intention-Reading (Functional Dimension/Dimensi Fungsian)


- i) Joint attentional frame
- ii) Understanding communicative intentions
- iii) Role reversal imitation



Rajah 1: *Usage-Based Theory*

3.0 KONSEP *ROLE REVERSAL IMITATION*

Menurut kajian yang telah dijalankan di barat seperti yang dijalankan oleh Meltzoff dan More (1977), Meltzoff dan Carpenter (1995), Akhtar dan Tomasello (1998), bayi seawal usia sembilan bulan sudah mula melahirkan aksi bersengaja orang dewasa yang belum pernah dilakukan sebelumnya. Pada waktu ini, kanak-kanak merasakan bahawa mana-mana individu dewasa yang mempunyai matlamat yang hampir sama dengan matlamat mereka akan meniru aksi yang ditunjukkan. Sebagai contoh, andainya seorang kanak-kanak melihat seorang dewasa mengendalikan mainan baru dengan cara yang tertentu, mereka kemudiannya akan belajar meniru perbuatan yang sama. Justeru, untuk mempelajari simbol komunikasi ini secara yang sesuai menurut kebiasaan, maka kanak-kanak ini mesti terlibat dalam peniruan tujuan komunikasi orang dewasa, iaitu dengan belajar menggunakan simbol komunikasi kepada orang dewasa sebagaimana cara simbol itu digunakan oleh orang dewasa itu terhadapnya. Perhatikan rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Struktur simbol linguistik. Setiap individu boleh menggunakannya bersama (Garis tebal). Rakan yang sama-sama berkongsi perhatian (garis halus). Inilah berkongsi perhatian (diubah suai daripada Tomasello 2003: 29)

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kata-kata awal yang diperoleh oleh kanak-kanak Melayu melalui konsep *role reversal imitation*.

5.0 BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti perkataan-perkataan awal yang diperoleh oleh seorang kanak-kanak Melayu lelaki yang berumur 18 bulan. Pemerolehan ini dikenal pasti berdasarkan satu konsep yang diketengahkan oleh Tomasello (2003), iaitu *role reversal imitation*.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian. Data kajian dikumpul berdasarkan pemerhatian khusus terhadap subjek sewaktu berkomunikasi dengan ibunya. Kajian ini bermula ketika sampel kajian, iaitu seorang kanak-kanak lelaki Melayu (yang dirujuk sebagai Anas) berumur 18 bulan dan berakhir pada ketika umurnya menginjak 30 bulan (2 tahun 6 bulan, 2;5). Pendekatan interaksi digunakan dalam kajian ini memandangkan subjek kajian yang dipilih selalu berpeluang berinteraksi dengan kedua-dua ibu bapa serta saudara mereka. Bentuk interaksi rakaman ini terdiri daripada interaksi yang tidak dirancang. Sebagai langkah agar data yang dikumpul nanti lebih autentik, latar yang tidak dirancang akan digunakan. Rakaman pertuturan subjek kajian dilakukan dalam pelbagai situasi dalam lingkungan keluarga subjek kajian.

7.0 PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK BERDASARKAN *ROLE REVERSAL IMITATION*

Bermula pada umur 18 bulan, kanak-kanak Melayu sudah pandai meniru tukar ganti peranan. Hasil daripada proses imitasi tukar ganti peranan inilah yang akan mewujudkan simbol linguistik dalam diri kanak-kanak. Kewujudan simbol linguistik ini akan membolehkan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan masyarakat di sekeliling mereka. Keadaan ini sekali gus akan membuktikan tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu seperti yang ditegaskan dalam *usage-based theory*.

Penelitian kajian pada kali ini menemukan bahawa bermula dari usia 18 bulan hinggalah berusia 30 bulan, kanak-kanak Melayu sudah dapat melakukan *role reversal imitation* ini. Walau bagaimanapun, pada peringkat usia awal ini, *role reversal imitation* kanak-kanak Melayu kelihatan agak ringkas namun masih dapat difahami maksud yang ingin disampaikan. Pada waktu ini boleh dikatakan *role reversal imitation* bukanlah peniruan yang baik, iaitu kanak-kanak masih tidak dapat meniru sepenuhnya setiap kata yang diujarkan oleh orang dewasa. Peniruan akan menghasilkan kata yang sedikit menyimpang daripada perkataan asal. Namun, maksud yang disampaikan adalah menepati tujuan komunikasi sehingga kanak-kanak Melayu mencapai umur dua tahun, peniruan satu-satu perkataan menjadi lebih sempurna. Carpenter, M., Akhtar, N. dan Tomasello, M. (1998) menjelaskan bahawa “Overall, infants imitated almost twice as many of the adult's intentional actions as her accidental ones. Infants before age 18 months thus may understand something about the intentions of other persons. This understanding represents infants' first step toward adult-like social cognition and underlies their acquisition of language and other cultural skills”.

Jadual 1: Pemerolehan kata kerja (tutup)

Umur Anas (bulan)	Ujaran
18	Ibu: abang tutup pintu. Anas: diam (tidak buat apa yang disuruh) tup Ibu: bangun tutup pintu. Anas: perhatikan perbuatan ibu. tup (bangun dan pergi ke pintu)

Jadual 1 menunjukkan Anas pada ketika berusia 18 bulan telah memperoleh kata kerja ‘tutup’ dengan ujaran ‘tup’ hasil daripada pemerhatian dan peniruan ujaran daripada ibunya. Sebenarnya pada usia begini, Anas masih berada pada peringkat ‘holofrasa’ atau dikenali sebagai peringkat pemerolehan satu kata. Justeru, kanak-kanak Melayu pada ketika ini tidak dapat mengujarkan perkataan ‘tutup’ dengan ujaran penuh. Anas hanya boleh mengujarkan kata ‘tup’, iaitu satu suku kata belakang sahaja. Keupayaan untuk mengujarkan satu kata penuh masih belum muncul. Kanak-kanak Melayu akan menyingkatkan perkataan dan hanya mengujarkan satu suku kata belakang sahaja. Hal ini tepat seperti dapatan kajian yang pernah dijalankan oleh Abd. Aziz Sharif (1994) yang mendapati bahawa sebutan satu suku kata bagi setiap perkataan yang terdiri daripada dua suku kata dikuasai dan dituturkan terlebih dulu daripada perkataan sepenuhnya.

Jadual 2: Pemerolehan kata nama (lampu)

Umur Anas (bulan)	Ujaran
22	Bapa: Mana mak? Anas : Mak...ha... Ibu: Abang, nak ni? (menunjukkan sebiji lampu suluh yang sedang menyala dan menyuluh ke arah dinding) Anas : Nak...nak... Ibu: Lam...pu, sebut dulu lampu. Anas: mengambil lampu lalu menyuluh ke dinding seperti yang dilakukan ibunya. Ampu... (ujaran perkataan lampu)

Pemerolehan kata nama oleh Anas melalui *role reversal imitation* telah dapat dikesan pada ketika subjek berumur 22 bulan. Pada ketika ini masih belum banyak kata nama yang diperolehi oleh Anas, malah perkataan ‘ampu’ yang ujaran oleh Anas ialah antara kata nama awal yang dapat dikesan. Anas pada awal pemerhatian masih belum mampu berinteraksi dengan baik. Anas masih

agak malu-malu dan kelihatan agak sukar untuk mengeluarkan satu-satu perkataan. Lazimnya, perkataan-perkataan yang diujarkan oleh Anas pada peringkat awal ini ialah perkataan-perkataan yang ditiru daripada ujaran orang-orang yang berada di sekelilingnya, malah perkataan-perkataan tersebut sering diulang-ulang sebut oleh ibu atau bapanya bagi memastikan Anas mahu mengujarkannya. Dalam jadual 2, dapat dilihat cara ibu Anas menyebut perkataan 'lampu' sebanyak dua kali. Pada permulaannya, ibu Anas menyebut perkataan 'lampu' dengan dua suku kata, iaitu 'lam...' diikuti dengan '...pu'. Walau bagaimanapun, Anas tidak meniru ujaran ibunya, hanya tingkah laku yang ditiru oleh Anas pada ketika ini. Anas mengujarkan perkataan 'lampu' sebagai 'ampu'.

Jadual 3: Pemerolehan kata nama khas bagi (Fan)

Umur Anas (bulan)	Ujaran
26	Ibu: Mana kipas? Anas : (Tunjuk ke arah syiling di mana terdapatnya kipas). Fan. Ibu: Abang ka...ki. Anas : ki...(kaki) Mi...pit (menunjukkan sejenis penyepit mainan pada ibunya) Ibu: Mana penyepit? Anas: Pit... Eeek...eeek... Ibu: Mana jari? Anas: Ari... (menunjukkan jarinya kepada ibu)

Menjelang usia Anas 26 bulan, pemerhatian menemukan bahawa terdapat kata Inggeris yang diujarkan oleh Anas. Pada ketika ini, Anas sudah boleh menguasai kosa kata Inggeris, iaitu 'fan' dengan baik, malah pada ketika ini Anas sebenarnya telah faham akan maksud perkataan 'kipas' yang ditanyakan kepadanya. Setelah disoal oleh ibunya akan di mana letaknya kipas? Anas dengan pantas menunjukkan kepada ibunya. Anas pada ketika ini tidak membuat peniruan secara langsung bagi perkataan 'kipas', sebaliknya membuat peniruan makna dan menyamakan dengan perkataan Inggeris, iaitu 'fan'. Pada ketika ini juga dapat dikesan terdapat beberapa perkataan Inggeris yang sudah fasih digunakan oleh Anas. Perkataan tersebut kebanyakannya adalah terdiri daripada satu suku kata, malah jika ada perkataan Inggeris yang terdiri daripada dua suku kata, Anas tetap akan mengujarkan dengan satu suku kata sahaja. Antaranya adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Antara kata nama Inggeris yang diperoleh oleh Anas ketika berusia 26 bulan.

Kata Nama Inggeris
<i>cat</i>
<i>fly (butterfly)</i>
<i>bird</i>
<i>fan</i>
<i>fish</i>
<i>awer (flower)</i>

Selain itu pada ketika Anas berusia 26 bulan ini juga, Anas sudah berjaya menguasai nama-nama anggota badan yang telah diperkenalkan oleh ibunya. Sebenarnya pada peringkat umur 18 bulan lagi, Anas telah dapat mengenal nama-nama anggota badan. Namun, pada ketika ini Anas hanya akan menuding jari ke arah anggota badan yang disoal kepadanya dan Anas masih belum dapat mengujarkan nama-nama anggota badan tersebut sehinggalah Anas menginjak ke usia 26 bulan. dan didapati Anas sudah dapat mengenal semua anggota badan yang ditanyakan kepadanya. Walau bagaimanapun, pada ketika ini Anas masih belum berupaya mengujarkan nama-nama anggota badan ini dengan lengkap seperti ujaran orang dewasa. Anas ada ketikanya masih lagi mengujarkan dengan satu suku kata belakang sahaja dan ada ketikanya pula Anas menyebut nama anggota badan dengan dua suku kata, tetapi tidak lengkap seperti ujaran orang dewasa walaupun perkataan tersebut terdiri daripada dua suku kata. Owens (2016) *“the reason children respond with one-word or one phrase (e.g., Wassat?) expression is unknown. Most likely the child only attends to a part of the adult expression or because of limited working memory, the child can process only one word or phrase at a time”* (h.190). Lihat contoh-contoh nama anggota badan yang diujarkan oleh Anas dalam Jadual 5.

Jadual 5: Antara kata nama anggota badan yang diperoleh oleh Anas ketika berusia 26 bulan

Nama Anggota Badan	Ujaran Anas
Kaki	Ki
Perut	Yut
Mulut	Lut
hidung	idung
Jari	Ari
Tangan	Angan
Mata	mata

Jadual 6: Pemerolehan kata ganti nama (Along)

Umur Anas (bulan)	Ujaran
30	Ibu: sapa simpan penyapu ni? Anas : along Ibu: abah la abah pa? Anas: abah lan ipan (simpan) (pergi ambik penyapu simpan, seperti mana abah simpan)

Menjelang usia 30 bulan, didapati peniruan Anas adalah sedikit merosot. Pada ketika ini kelihatan konsep *role reversal imitation* telah tidak kerap berlaku. Anas telah mampu mengujarkan ayat yang baik tanpa perlu lagi meniru ujaran daripada orang yang di lawan tuturnya. Anas pada ketika ini telah dapat menguasai kata ganti nama diri, malah kata ganti nama diri tersebut telah diujarkan dengan penuh. Anas didapati masih membuat peniruan terhadap kata-kata yang diujarkan oleh ibunya, namun ujaran Anas pada ketika ini merupakan ujaran menjawab pertanyaan ibunya dengan baik. Anas sebenarnya telah berjaya menguasai peringkat telegrafik. Vijayaletchumy dan Noor Aina (2000) juga ada menjelaskan bahawa setiap ujaran kanak-kanak Melayu pada umur 18 bulan dan ke atas ialah untuk meminta, memberi amaran, menolak, cakap besar, bertanya, menjawab dan memberitahu.

Didapati pada ketika berusia 30 bulan, kanak-kanak Melayu yang dikaji telah menguasai kata permintaan, menolak sesuatu, melabel sesuatu dan menjawab pertanyaan dengan baik. Bloom and Lahey (1978:39) berkata *In the course of development, children are not learning adult "parts of speech," and descriptions of the words that children use in term of adults parts of speech can be misleading. Instead, children learn whatever forms they hear and see in conjunction with the regular recurring experiences that are reprinted in memory.*

Jadual 7: Ujaran Anas seperti meminta, menolak, melabel dan menjawab pertanyaan

TujuanUjaran	Contoh ujaran
Permintaan melakukan sesuatu	Anas: Buh....(menyuruh ibu memasukkan dirinya ke dalam bakul). Buh adik (menyuruh ibunya memasukkan adik juga)
Menolak	Ibu: Jom...minum susu. Anas: Mamau....(sebutan untuk tidak mahu)

Melabel	Ibu: Banyaknya. Anas: Anyak.... Yayat (sebutan untuk lalat, ketika melihat semut)
Jawapan	Ibu: Ni apa? Anas: Pit (merujuk kepada penyepit) – subjek sudah mengenali penyepit Mi duduk (umi duduk)

8.0 KESIMPULAN

Penelitian pemerolehan kata-kata awal kanak-kanak Melayu yang berusia 18 bulan hingga 30 bulan ini mendapati bahawa kanak-kanak Melayu sebenarnya sudah berupaya untuk memperoleh dan menguasai aspek kata dengan baik. Pemerhatian menemukan bahawa sepanjang usia ini, kanak-kanak Melayu telah memperoleh kata nama, kata kerja, kata ganti nama dan beberapa kata nama dalam bahasa Inggeris. Pada peringkat umur kanak-kanak Melayu 18 bulan, mereka berada pada peringkat holofrasa dan pada ketika ini juga, kanak-kanak Melayu kerap kali membuat peniruan dalam bentuk *rolereversal imitation*, iaitu peniruan ke atas orang dewasa sama ada ujaran mahupun tingkah laku. Kemudian, pada ketika berusia 22 hingga 26 bulan, kanak-kanak Melayu telah berjaya menguasai dan memahami konsep kata nama termasuklah kata nama dalam bahasa Inggeris. Ini terutamanya perkataan-perkataan Inggeris dengan satu suku kata sahaja. Usia 30 bulan pula, peniruan *role reversal imitation* dalam kalangan kanak-kanak Melayu sudah sedikit berkurangan. Kanak-kanak Melayu pada ketika ini sudah pandai untuk membuat permintaan, membuat penolakan sesuatu, melabel sesuatu dan menjawab pertanyaan dengan baik. Pada usia ini kanak-kanak Melayu sebenarnya sudah memasuki peringkat telegrafik.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Syarif. (1994). Pemerolehan bahasa ibunda: Pembentukan sintaksis. *Jurnal Bahasa Modern*, keluaran 7. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. (1988). Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, L. & M. Lahey. (1978). Language Development and language disorders. New York: John Wiley and Sons.

- Carpenter, M., Akhtar, N. & Tomasello, M. (1998). Fourteen- through 18-month-old infants differentially imitate intentional and accidental actions. *Infant behavior and development*, 21, 315-330.
- Halliday, M.A.K. (1975). *Learning how to mean: Explorations in the development of language*. London: Edward Arnold.
- Mhd. Amin Arshad & Vijayaletchumy Subramaniam. (2006). Pemerolehan morfologi dan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada peringkat menjelang tatabahasa dewasa. *Jurnal Bahasa* 6(4), 581-609.
- Tomasello, M. (2003). *Constructing a Language: A Usage-Based Theory of Language Acquisition*. Cambridge: Harvard University Press.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Noor Aina Dani. (2000). Pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu: Kajian Psikolinguistik. Dalam *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil. 4. November 2000. Jabatan bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.